

Adakah anda akan mencapai usia 65 tahun tidak lama lagi?

Anda boleh mula menerima pembayaran bulanan anda bila-bila masa.

Berikut ialah 5 perkara yang perlu diperhatikan mengenai pembayaran bulanan CPF anda.

Q1

Bila saya boleh mula terima pembayaran bulanan saya?



Cara paling cepat adalah dengan memberitahu kami melalui laman web kami (cpf.gov.sg/RSSPayoutForm).

Anda juga boleh memulakannya dengan:

- Memuat turun dan melengkapkan borang permohonan dari laman web kami (cpf.gov.sg)
- Mengunjungi salah satu Pusat Khidmat CPF kami.

Q2

Mengapa tidak mulakan pembayaran bulanan kepada saya secara automatik pada usia 65 tahun?

Tidak semua anggota CPF mahu memulakannya pada usia 65 tahun.

Terdapat manfaat apabila memulakannya lebih lewat.

Pembayaran kepada anda akan bermula sebaik sahaja anda mengarahkan kami berbuat demikian. Kami akan mengingatkan anda setiap tahun, melalui Penyataan Akaun Tahunan anda.


Jika anda tidak mengarahkan kami menjelang usia 70 tahun, kami akan memulakan pembayaran kepada anda secara automatik.

Q3

Bagaimana pembayaran bulanan saya dikira?

Jumlahnya didasarkan kepada simpanan Akaun Persaraan anda ketika mulanya pembayaran, agar anda dapat terus menerima pembayaran sehingga mencapai usia 85 tahun, dengan faedah asas sebanyak 4% setahun.

Sebagai tambahan, Pemerintah membayar faedah tambahan (sehingga 2% setahun) bagi simpanan Akaun Persaraan anda. Faedah tambahan ini akan digunakan untuk melanjutkan pembayaran kepada anda melepasi usia 85 tahun, selama sehingga 5 tahun.



Q4

Apakah manfaatnya jika saya memilih untuk memulakan pembayaran bulanan saya lebih lewat?

Dengan bermula lebih lewat, anda akan mendapat lebih banyak wang faedah, dan pembayaran bulanan anda secara umumnya akan menjadi lebih tinggi*.

Bagi setiap tahun penanguhan ini, simpanan CPF anda akan mendapat faedah sehingga sebanyak 6%.




*Kecuali pembayaran kepada anda tamat sebelum anda berusia 85 tahun.

Q5

Bagaimana saya boleh terima pembayaran bulanan sepanjang hayat?

Sertai CPF LIFE bila-bila masa sebelum usia 80 tahun. Dengan itu anda akan menerima pembayaran bulanan selagi anda masih hidup.



Pembayaran bulanan seumur hidup

Masih ada pertanyaan?

Tulis kepada kami di cpf.gov.sg/writetous

Hubungi 1800 227 1188

